

PROTON kembali jana untung 2020

Pertumbuhan jualan, peringkat pasaran eksport pacu sasaran

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

PROTON Holdings Bhd (PROTON) berada di landasan tepat bagi mencatatkan pulangan modal menjelang akhir tahun ini, sekali gus kembali menjana keuntungan pada 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Dr Li Chunrong, berkata sasaran itu juga seiring dengan perancangan jangka sederhana PROTON yang menyasarkan jualan 400,000 unit setahun pada 2027.

Beliau berkata, sasaran jualan itu juga membolehkan PROTON menjadi pengeluar automotif nombor satu di Ma-

laysia dan berada di kedudukan tiga teratas pasaran ASEAN.


Pengeluar automotif tempatan itu juga sehingga Ogos lalu mencatatkan pertumbuhan jualan sebanyak 36.5 peratus kepada 61,396 unit daripada 45,062 unit yang dicatatkan pada 2018.

Sementara itu, Pengerusi PROTON, Datuk Seri Syed Faisal Albar, berkata bagi memastikan sasaran PROTON itu dapat direalisasikan, pasaran eksport turut akan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Katanya, ketika ini PROTON sedang meneliti dan mengkaji pasaran eksport yang berpotensi dari segala aspek.

"Kami sudah memasuki Pakistan dan Brunei, namun ia tidak akan berhenti di situ, kita akan meninjau pasaran negara lain. Kita tidak mahu kehadiran PROTON atas dari sudut jualan semata-mata tetapi juga untuk meningkatkan kehadiran dan jenama PROTON itu sendiri.

"Jika kita mempunyai pro-



PROTON sedang meneliti dan mengkaji pasaran eksport yang berpotensi dari segala aspek.
(Foto Hiasan)

duk berkualiti dan perkhidmatan terbaik, kita boleh eksport lebih. Sebab itu banyak aspek perlu diteliti terlebih dulu. PROTON sudah membuktikan peningkatan berbanding sebelum ini tetapi masih banyak perka-

ra perlu kita tingkatkan lagi," katanya selepas pelancaran logo dan slogan baharu PROTON di Shah Alam semalam.

Kerjasama strategik yang dijalankan PROTON dengan Zhejiang Gelly Holding Group pada

2017 berjaya mewujudkan peningkatan berganda dari setiap aspek, termasuk lima model baharu dilancarkan dalam tempoh lapan bulan ini.

Chunrong berkata, pengenalan model kenderaan utiliti sukan (SUV) Proton X70 dan model naik tarafnya pada 2018 dan 2019 berjaya mewujudkan semula minat orang ramai kepada PROTON.

Beliau berkata, usaha berterusan itu membolehkan PROTON menduduki kedudukan kedua dari segi jualan kenderaan di pasaran Malaysia pada tahun ini.

"PROTON mencatatkan pertumbuhan 36 peratus walaupun pasaran automotif mencatatkan penurunan lima peratus dari segi jualan keseluruhan.

"Malah kami juga menjadi pengeluar tunggal yang merekodkan peningkatan dua digit pada 2019. Selain itu, jumlah pusat 3S dan 4S PROTON juga semakin meningkat melebihi 102 pusat," katanya.